



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

1 JANUARI 2022 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

1 JANUARI 2022 (SABTU)



Harga empat barang keperluan harian turun

Ayam segar, telur, sayur sawi serta kacang panjang berada di bawah SHMKM

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Empat jenis barangan keperluan harian iaitu ayam segar, telur, sayur sawi dan kacang panjang dijangka mengalami penurunan harga bermula

hari ini.

Ia selepas empat daripada 12 jenis barangan berkenaan berada di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Pengarah Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam, berkata empat barangan itu terbabit dalam pelarasan semula harga sebagai langkah menstabilkan harga barangan, dalam usaha membantu rakyat mendapatkan barang keperluan pada harga munasabah.

"Mulai esok (hari ini) ada harga baharu untuk SHMKM di Semenanjung dengan mengambil

kira situasi dan lokaliti.

"Empat jenis barangan akan mengalami pelarasan semula harga iaitu ayam daripada RM9.30 kepada RM9.10 dan penurunan harga telur, sawi serta kacang panjang sekitar 50 sen.

"Penurunan harga ini mengikut trend dan keadaan harga semasa, jadi kita turunkan harga serta pastikan ia tidak naik lagi dalam tempoh kawalan," katanya selepas program *Walkabout Op Back To School* dan SHMKM di Pasaraya Mydin, di sini, semalam.

SHMKM sepatutnya berakhir semalam, namun dilanjutkan selama 35 hari lagi berkuat kuasa

Januari hingga 4 Februari ini.

Sementara itu, Azman berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan di 25,897 premis dalam tempoh pelaksanaan SHMKM bermula 7 Disember lalu hingga kemas kini.

"Daripada pemeriksaan dijalankan, terdapat 85 kesalahan di kesan membabitkan peniaga menjual melebihi harga maksimum dan gagal mempamerkan tanda harga.

"Setakat ini, kami mengeluarkan kompaun berjumlah RM20,000 dan banyak kes lain masih menunggu siasatan.

"Bagi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2021

pada 23 Disember hingga 31 Disember, pematuhannya hampir 100 peratus daripada 7,178 premis diperiksa," katanya.

Azman berkata, pihaknya juga tidak menerima aduan kenaikan harga di tempat terbabit banjir seperti Selangor dan negeri Pantai Timur.

"Hanya ada beberapa kes terputus bekalan sementara berikutan masalah logistik di beberapa kawasan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, satu operasi khusus akan diadakan hari ini bagi memastikan isu bekalan barangan di negeri berkenaan dapat ditangani dengan baik.



Azman memeriksa harga jualan sayuran ketika *Walkabout Op Back to School* dan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia di Pasaraya Mydin, Bukit Mertajam, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

Empat barang turun harga

Harga ayam, telur, sawi dan kacang panjang turun bermula hari ini

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

BUKIT MERTAJAM

Empat barangan keperluan makanan iaitu ayam, telur ayam, sawi dan kacang panjang akan mengalami penurunan harga di seluruh negara bermula hari ini sehingga 4 Februari nanti.

Pengarah Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, keempat-empat harga barang berkenaan adalah di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang terlibat dalam pelarasan harga semula.

"Pelarasan harga semula dibuat dengan mengambil kira situasi dan lokaliti. Antara contoh penurunan harga bermula esok (Sabtu) ialah ayam iaitu dari RM9.30 sekilogram kepada RM9.10. Sama juga seperti tiga lagi barang keperluan makanan termasuk dua jenis sayur-sayuran.

"Skim ini dilaksanakan sebagai langkah untuk menstabilkan harga barang-barang keperluan makanan seperti ayam, telur ayam, daging dan sayuran bagi membolehkan pengguna memperoleh barangan pada harga munasabah, ber-



Azman memeriksa harga ayam di Pasaraya Mydin Bukit Mertajam pada Jumaat.

patutan dan stabil," katanya selepas mengadakan Walkabout Ops Back To School (BTS) dan SHMKM di Pasaraya Mydin di sini pada Jumaat.

Katanya, sejak 7 Disember sehingga Khamis, sebanyak 25,897 premis diperiksa dengan 85 tindakan kes diambil di bawah penguatkuasaan SHMKM.

"Antara kesalahan dilakukan oleh peniaga adalah menjual barangan terkawal melebihi harga maksimum ditetapkan dan tidak meletakkan tanda harga. Daripada tindakan diambil itu, sebanyak RM20,000 kompaun telah dikeluarkan.

"Bagi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2021 yang dilaksanakan bermula 23 Disember sehingga hari ini (Jumaat), sebanyak 7,178 premis diperiksa namun tiada tindakan kes direkodkan sehingga kini. Dari segi aduan, enam diterima

untuk SHMKM manakala satu untuk SHMMP Krismas 2021," katanya.

Sementara itu, bagi Ops BTS pula yang dilaksanakan sejak 13 Disember hingga 20 Mac, ia melibatkan sembilan barangan keperluan sekolah antaranya pakaian sekolah, beg sekolah dan peralatan pembelajaran.

"Untuk Ops BTS, ia lebih menumpukan kepada kestabilan harga barangan dan keperluan persekolahan bagi mengelakkan kenaikan harga menjelang pembukaan sesi persekolahan akan datang.

"Sehingga kini, sebanyak 437 premis membabitkan 1,858 jumlah barangan telah diperiksa. Tiada aduan dan kes setakat ini direkodkan," katanya.

Mengulas mengenai aduan kenaikan harga di negeri yang dilanda banjir, Azman berkata, sehingga kini tiada aduan direkodkan.

Turut melibatkan telur, sawi dan kacang panjang

Harga ayam turun 20 sen mulai hari ini

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI – Harga beberapa bahan mentah seperti ayam segar, telur serta dua jenis sayuran iaitu sawi dan kacang panjang akan mengalami penurunan harga bermula hari ini.

Pengarah Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Pengguna, Azman Adam berkata, empat item berkenaan merupakan sebahagian daripada 12 jenis barangan yang diwartakan di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

"Mulai esok (hari ini) akan terdapat harga baharu untuk SHMKM di Semenanjung dengan mengambil kira situasi dan lokaliti iaitu empat item yang mengalami pelarasan semula harga seperti ayam dari RM9.30 kepada RM9.10 serta penurunan harga telur, sawi dan kacang panjang sekitar 50 sen.

"Kita mengikut trend dan keadaan harga semasa (barangan), jadi kita turunkan harga tersebut semasa ia turun serta untuk pastikan harga itu tidak naik lagi dalam tempoh kawalan tersebut," katanya kepada pemberita semalam.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan Walkabout Ops Back To School dan SHMKM di sebuah pasar raya besar di Bukit Mertajam di sini.

Sementara itu, Azman menambah, pihaknya telah melakukan pemeriksaan di 25,897 premis dalam tempoh pelaksanaan SHMKM bermula 7 Disember lalu hingga semalam membatik 85 kes kesalahan daripada



SEORANG peniaga menjual ayam di Pasar Jalan Raja Bot Kuala Lumpur.

50 aduan.

"Setakat ini kompaun sebanyak RM20,000 dikeluarkan dengan sebahagiannya masih dalam siasatan berhubung kesalahan seperti menjual barang kawalan melebihi harga maksimum dan tidak letak tanda harga.

"Manakala, bagi Skim harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2021 pada 23 Disember hingga 31 Disember, pematuhannya adalah hampir 100 peratus daripada 7,178 peremis diperiksa," katanya lagi.

Dalam perkembangan berbeza, Azman menambah, pihaknya akan melakukan operasi khusus bermula esok bagi memastikan isu mengenai bekalan barangan di negeri-negeri yang terlibat banjir dapat ditangani dengan baik.

"Setakat ini tak ada sangat aduan kenaikan harga di tempat terlibat banjir seperti Selangor dan Pantai Timur, cuma ada beberapa kes barang terputus sementara berikutan masalah logistik di beberapa kawasan," ujarnya.

Chicken, eggs, sawi and
kacang panjang expected
to be cheaper from today

»» PAGE 13

Drop in prices of chicken, eggs, sawi and long beans

BUKIT MERTAJAM: The prices of chicken, eggs, sawi and long beans nationwide are expected to drop beginning today.

This follows a calibration to the prices of the items under the Keluarga Malaysia Maximum Price Control Scheme (SHMKM).

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's enforcement director, Azman Adam, said the new prices took effect from today until Feb 4.

"Chicken will be priced at RM9.10 from RM9.30. The prices of eggs and the vegetables will also drop. From tomorrow (today), consumers can start enjoying lower prices for the four items," he said here yesterday.

Yesterday was the last day for SHMKM,

which began on Dec 7, and also the Christmas Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHMPP).

Under SHMKM, 25,897 premises had been inspected up until Thursday and 85 cases were initiated.

Azman said: "Many of these cases involved traders selling above the maximum prices or failing to display price tags."

"Compounds totalling RM20,000 have been issued to errant traders."

He said there was 100 per cent compliance by traders from the 7,178 premises inspected under SHMPP, while for Op Back to School, another campaign under the ministry, no action had been taken against traders from the 437 premises checked.



AZMAN

Penjual DVD tanpa hak cipta didenda RM5,000

PUTRAJAYA – Seorang penjual cakera video digital (DVD) didenda RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen Alor Setar, Kedah selepas didapati bersalah menjual karya DVD filem tanpa hak cipta pada 26 November lalu.

Perkara itu disahkan Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Azman Adam menerusi satu kenyataan semalam.

Azman berkata, tertuduh

didapati menjual DVD filem bertajuk *Ada Apa Dengan Dosa* tanpa hakcipta menerusi platform beli belah dalam sebuah e-dagang.

Beliau berkata, tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan itu selepas kes didengar semula di mahkamah pada 28 Disember lalu.

"Siasatan mendapati, tertuduh didapati menjual satu salinan karya filem dalam bentuk DVD itu tanpa hak cipta pada 2 Julai lalu sebelum ser-

buan dibuat di sebuah premis di Kompleks Sultan Abdul Hamid, Jalan Pegawai, Alor Setar, Kedah pada 28 November lalu.

"Siasatan mendapati hak cipta DVD filem itu masih dimiliki oleh dan masih wujud bagi Pencil Pictures And Records Sdn. Bhd," katanya.

Katanya, pemeriksaan telah dilakukan ke atas telefon bimbit jenis iPhone 7 Plus milik tertuduh dan mendapati tertuduh memiliki satu akaun e-dagang yang

memaparkan rekod penjualan DVD itu.

Azman berkata, susulan itu, tertuduh didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 41(1) (b) Akta Hakcipta 1987 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 41(1) (b)(i) Akta sama.

"Mahkamah turut memutuskan tertuduh supaya eksibit diucut hak dan diserahkan kepada pihak pendakwaan mengikut Seksyen 50A Kanun Acara Jenayah (KAJ)," katanya.

Syarat pelik beli minyak masak peket

Oleh ZAAIN ZIN

zaain.zin@mediamulia.com.my

TUMPAT: Wajib beli sekilogram gula, baru boleh beli sepeket minyak masak.

Itu syarat 'pelik' dikenakan peniaga jika pelanggan mahu membeli minyak masak bersubsidi. Amalan tersebut didakwa berleluasa di daerah ini sejak sebulan lalu dan turut dikesan di Pasir Mas, Rantau Panjang dan Tanah Merah.

Disebabkan syarat tidak masuk akal itu, orang ramai mula mengeluh kerana ibarat dipaksa membeli barangan tidak diperlukan, sedangkan mereka mahu berjimat cermat di kala berdepan masalah kewangan.

Malah, ia dilalui sendiri wartawan *Utusan Malaysia* ketika cuba membeli sepeket minyak masak di sebuah pasar awam serta beberapa kedai runcit sekitar daerah ini bagi memastikan kesahihan dakwaan itu.

Peniaga mahu dikenali sebagai Siti Nor menjelaskan, syarat tersebut bukan dibuat sesuka hati, sebaliknya ditetapkan pihak pengilang sebelum membekalkan minyak masak peket kepada pemborong dan peruncit.

"Sejak November lepas, kilang tetapkan syarat, jika mahu beli sekotak minyak masak peket yang seberat 17 kilogram, kami juga dikehendaki membeli satu berkas gula yang



MINYAK masak peket yang dijual di Pasar Besar Wakaf Bharu, Tumpat.
- UTUSAN/ZAAIN ZIN

seberat 24 kilogram.

"Kalau tak nak rugi, peruncit perlu habiskan bekalan gula juga kalau nak tambah bekalan minyak. Jadi mahu tak mahu, kita syaratkan pelanggan beli kedua-duanya sekali," katanya.

Sementara itu, pengusaha kedai makan, Nik Hafizudin Nik Harun, 34, berkata, syarat itu membebankannya yang sedang

berjimat-cermat selepas kerugian besar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). "Bukan di Tumpat sahaja. Saya pernah cari minyak masak peket sampai ke Pasir Mas dan Rantau Panjang, banyak kedai runcit buat syarat begitu. Mahu beli di pasar raya besar di Kota Bharu, selalu habis pula," ujarnya.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM7.90
• Daging Lembu Tempatan	RM43.20
• Daging Lembu Import	RM28
• Telur Gred A	RM12.30
• Ikan Kembung	RM15
• Minyak Masak	RM6.50
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.49
• Bawang Putih	RM5.50
• Cili Merah	RM8.89
• Kubis Tempatan	RM2.79
• Tepung Gandung	RM2.25

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP